

**PENGARUH KEMATANGAN EMOSI TERHADAP MASALAH
DISIPLIN PELAJAR ISLAM SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI NEGERI TERENGGANU**

**[THE INFLUENCE OF EMOTIONAL MATURITY STUDENT DISCIPLINARY
AT SECONDARY SCHOOL NEGERI TERENGGANU]**

NORADILAH ABDUL WAHAB, MOHD SANI ISMAIL & RAIHAN MOHD ARIFIN¹

¹* Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: adilaphd@yahoo.com

Received: 9 May 2021

Accepted: 8 June 2021

Published: 30 June 2021

Abstrak: Kemerostan disiplin dalam kalangan pelajar bukan sahaja menjadi isu negara bahkan sudah menjadi isu global yang semakin meruncing dan membimbangkan. Hal ini kerana, pelajar menghadapi kesukaran dalam mengawal emosi sehingga menjadi punca berlakunya masalah disiplin. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh kematangan emosi terhadap tingkah laku pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 361 orang pelajar sekolah menengah harian menggunakan pensampelan rawak berstrata daripada 5302 orang populasi dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang diubah suai daripada instrumen kematangan emosi oleh Singh dan Bhargava dan instrumen masalah disiplin oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kematangan emosi dan masalah disiplin pelajar adalah sederhana. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan signifikan kematangan emosi berdasarkan faktor jantina. Hasil kajian juga menunjukkan kematangan emosi memberi kesan yang signifikan terhadap masalah disiplin pelajar.

Kata Kunci: Kematangan, Emosi, Masalah Disiplin, Pelajar Islam.

Abstract: The deterioration of discipline level among students is not only viewed as a national issue, but at global level, there is a strong indicator of a staggering and worsen situation. In this regard, the students face some difficulties in controlling their emotion, hence affecting their disciplinary problems. Therefore, this study aimed to analyze the influence of emotional maturity on students' behavior. Apart from that, this study intends to identify the influence of mass media among students with disciplinary problems and analyze the level of discipline deterioration in Terengganu. This study employed a quantitative approach through a survey method, which involved 361 daily secondary school students by utilising the stratified random sampling generated from 5302 population that consisted of students with disciplinary problems. The data was collected by using questionnaires, which were adopted form emotional maturity instrument by Singh and Bhargava, and disciplinary problem instrument from the Ministry of Education Malaysia. . The findings showed that the level of students' emotional maturity and disciplinary problems were at moderate level. Other than that, there was a significant difference found in emotional maturity based on gender. The findings also showed that the emotional maturity had significant effects on the students' disciplinary problems.

Keywords: Maturity, Emotional, Disciplinary, Islamic Student

Cite This Article:

Noradilah Abdul Wahab, Mohd Sani Ismail & Raihan Mohd Arifin. (2021). Pengaruh Kematangan Emosi Terhadap Masalah Disiplin Pelajar Islam Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Terengganu [The Influence Of Emotional Maturity Student Disciplinary At Secondary School Negeri Terengganu]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(3), 19-33.

PENGENALAN

Umum mengetahui, permasalahan disiplin dalam kalangan pelajar Islam hakikatnya telah lama terjadi dan telah menarik perhatian pelbagai pihak. Menurut Ghani, et al. (2017), Zakaria, Ahmad dan Noor (2016) dan Tunggak, Ngadi, dan Naim (2015), masalah salah laku yang melibatkan pelajar bukan lagi fenomena baru, malah permasalahan ini telah lama wujud dan semakin meruncing saban tahun. Dewasa ini pula, sering dikejutkan dengan berita keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Selain kes buli, pecah rumah, peras ugut dan jenayah siber pelbagai masalah lain turut melibatkan pelajar sekolah menengah. Keadaan ini menyebabkan pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan terhadap masalah disiplin terutama yang melibatkan pelajar Islam (Ahmad, Amidi, & Wahid, 2018; Buerah et al., 2015).

Hal ini amat berkait rapat dengan akhlak yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar Islam sewaktu keberadaan di sekolah bersama guru dan rakan-rakan (Ghani, et al. 2017; Ismail & Jasmi, 2016). Isu-isu yang melibatkan pelajar dan remaja sering menjadi tumpuan para pengkaji supaya masyarakat lebih memahami secara lebih mendalam tentang perkembangan remaja secara keseluruhan sama ada dari sudut psikologi, psikososial, kesihatan fizikal dan psiko spiritual (Rohani, 2016).

Walaupun pelbagai kajian berkaitan dengan remaja terutamanya pelajar telah banyak dijalankan, namun menurut See dan Ng (2010), Abdullah (2010) dan Ahmad dan Kasim (2017), kajian yang berkaitan dengan remaja terutamanya pelajar masih perlu diperbanyakkan kerana kajian yang berkaitan masih tidak mencukupi di Malaysia. Selain itu, masalah emosi dan tingkah laku pelajar juga memerlukan kajian yang lebih teliti. Ini kerana menurut Mahmud dan Amat (2018), masalah yang mengganggu emosi, fikiran dan tingkah laku harus difahami dan ditangani segera supaya kesihatan mental tidak terjejas sehingga membentuk personaliti yang tidak sihat dalam kalangan pelajar Islam.

TINJAUAN LITERATUR

Melalui penelitian terhadap kajian lepas mengenai kematangan emosi, banyak kajian yang dijalankan untuk melihat kematangan emosi dan konsep diri pelajar (Panimalar, Sasikumar & Fathima, 2013; Manju, Pooja & Divya, 2015), kesepian (Johns, Mathew & Mathai, 2016) kesepian menghadapi perkahwinan (Maryati, Alsa & Rohmatun, 2007), keyakinan diri remaja (Krishan, 2014), pelarasan terhadap kanak-kanak ADHD (Yogesh, 2013), kematangan emosi, harga diri dan kepuasan hidup (Sudarsan & Rangaiah, 2017), kematangan emosi, kebimbangan dan komunikasi interpersonal (Aquino, Enriquez, Gonzales, & Landicho, 2015), budaya kecerdasan remaja (Fathima & Vijayan, 2016), keberkesanan pengajaran guru berdasarkan kematangan emosi (Umender & Shweta, 2014), kestabilan emosi dan kematangan emosi (Zapata, 2015).

Dapatan kajian terdahulu juga menunjukkan terdapat perbezaan kematangan emosi berdasarkan faktor jantina pelajar. Menurut Subbarayan dan Visanathan (2011) mendapati jantina tidak berperanan penting terhadap kematangan emosi pelajar. Selari dengan kajian Arun dan Sunilima (2016) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, kajian Manoharan, Louis dan Doss (2007) menyimpulkan bahawa kematangan emosi pelajar dipengaruhi oleh faktor jantina.

Selain itu, kajian Prathibha dan Ashok (2017) juga mendapati terdapat perbezaan jantina yang signifikan dalam kematangan emosi pelajar. Kajian Wani dan Manish (2015) dan Lakshmi dan Krishnamurthi (2011) yang mendapati pelajar perempuan mempunyai tahap kematangan emosi yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Manakala kajian Manoranjan (2017) menunjukkan kematangan emosi berkait rapat secara signifikan dengan jantina. Thawani (2015) juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan kematangan emosi mengikut jantina. Kajian Aleena, Sunny, Julia, Neha, Drishya, dan Cilvania (2018) mendapati bahawa pelajar lelaki mempunyai kematangan emosi yang lebih berbanding dengan pelajar perempuan. Kematangan emosi ini amat berkait rapat dengan masalah disiplin dan akhlak dalam kalangan pelajar di sekolah menengah (Mokhtar, Jailani, Tamuri & Ghani 2011). Oleh itu, kajian berkaitan kematangan emosi perlu diteliti dengan lebih mendalam bagi menghasilkan kemenjadian pelajar yang seimbang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan secara deduktif kerana pendekatan ini membolehkan kajian mendapatkan maklumat dalam masa yang singkat dan penganalisan data dilakukan secara deskriptif dan inferensi. Kaedah tinjauan adalah paling sesuai dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan memberi penyelidikan pilihan untuk mengumpul data daripada sampel bagi membantu dalam pengujian hipotesis sesuai dengan pandangan Neuman (2006) dan juga akan memberi keputusan yang baik (Hair et al., 2010). Menurut Robson (2011), reka bentuk kajian kuantitatif adalah sesuai bagi kajian deskriptif.

Kajian ini dijalankan di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Terengganu. Pemilihan lokasi kajian berdasarkan kepada permasalahan yang berlaku di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Terengganu yang telah dikeluarkan oleh KPM (2017). Kajian ini hanya difokuskan kepada pelajar Melayu yang beragama Islam dan katogeri umur adalah 16 tahun sahaja yang dipilih menjadi responden kajian.

Sampel kajian ini merupakan pelajar yang melanggar peraturan disiplin sekolah seperti yang telah direkodkan oleh setiap sekolah. Pelajar yang berusia 16 tahun dipilih menjadi sampel kajian kerana berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu yang mendapati bahawa lingkungan usia begini lebih cenderung dan mengarah kepada perkara-perkara yang negatif di sebabkan berlakunya kecelaruan identiti diri dan perasaan ingin mencuba yang berada pada tahap tinggi dalam diri setiap remaja (Sharif & Mohamad Roslan, 2011).

Teknik pensampelan yang diaplikasikan ialah pensampelan rawak berstrata berperingkat. Teknik ini sering digunakan apabila populasi adalah tidak homogen daripada ahli populasi dan terdapat sub kumpulan atau strata yang ketara. Pemilihan sampel secara rawak tidak dilakukan terus ke atas populasi. Bahkan ahli populasi telah dikelompokkan mengikut sub

kumpulan atau sub populasi terlebih dahulu. Kemudiannya, barulah pemilihan secara rawak dilakukan ke atas sub populasi (Creswell, 2012).

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian utama bagi mengumpul maklumat tentang kematangan emosi dan masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Terengganu. Penggunaan soal selidik merupakan kaedah termudah dan berkesan dalam memperoleh data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh dan memudahkan kajian ini untuk merekodkan dan menganalisis terus daripada soal selidik, mudah ditadbir, menjimatkan masa, dapat memudahkan subjek menjawab dengan tepat dan cepat dan wang (Babbie, 2013; Neuman, 2006; Gall, Gall & Borg, 2005; Fraenkel & Wallen, 2003).

Soal selidik kematangan emosi merupakan adaptasi daripada soal selidik Emotional Maturity Scale (EMS) yang diperkenalkan oleh Yashvir Singh dan Mahesh Bhargava (1990). Adaptasi merupakan kaedah mengambil maklumat daripada pengkaji asal dan membuat penyesuaian maklumat tersebut mengikut kesesuaian sampel, tempat dan masa menjalankan kajian. Soal selidik kematangan emosi mempunyai lima konstruk iaitu ketidakstabilan emosi, kemerosotan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial, kecelaruan personaliti dan tiada keupayaan sikap berdikari. Soal selidik asal dalam Bahasa Tamil tetapi telah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris oleh Singh dan Bhargava. Oleh itu, kajian ini mengadaptasi soal selidik yang telah diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris dalam kajian terdahulu.

Manakala bagi soal selidik masalah disiplin, kajian ini telah mengadaptasi senarai kesalahan yang dilakukan oleh pelajar daripada KPM dan menyampaikan dalam bentuk ayat penyata yang mudah untuk difahami. Soal selidik ini juga menggunakan skala pemeringkatan Likert.

DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 384 borang soal selidik telah diedarkan kepada sampel yang melibatkan lapan buah daerah di negeri Terengganu. Jumlah keseluruhan borang soal selidik yang diterima baik kerana bertepatan dengan bilangan populasi secara keseluruhannya. Jumlah soal selidik yang diedarkan dan diterima mengikut daerah ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1: Jumlah Soal Selidik yang Diedar dan Diterima Mengikut Daerah

Daerah	Soal Selidik	Peratus (%)
Setiu	48	12.5%
Besut	48	12.5%
Marang	48	12.5%
Hulu Terengganu	48	12.5%
Kuala Nerus	48	12.5%
Kuala Terengganu	48	12.5%
Kemaman	48	12.5%
Dungun	48	12.5%
Jumlah	384	100.0%

Namun, sebelum menjalankan ujian yang sebenar, kajian ini harus memastikan data yang diterima bebas daripada sebarang outlier's atau data-data terpercil dan nilai-nilai ekstrem yang boleh mengganggu ketepatan dapatan yang bakal diperoleh. Setelah pengkaji menjalankan

prosedur-prosedur tersebut, didapati terdapat beberapa outlier dan data-data ekstrem yang harus digugurkan daripada data asal yang diperoleh. Jadual 1.2 memaparkan jumlah data mengikut daerah selepas dibersihkan daripada data-data terpencil.

Jadual 2: Jumlah Data Mengikut Daerah Selepas Dibersihkan

Daerah	Bilangan Sampel	Peratus
Setiu	47	13%
Besut	44	12.2%
Marang	44	12.2%
Hulu Terengganu	43	11.9%
Kuala Nerus	46	12.7%
Kuala Terengganu	46	12.7%
Kemaman	44	12.2%
Dungun	47	13%
Jumlah	361	100.0%

Walaupun jumlah data telah berkurang (rujuk Jadual 1.2), namun masih menepati syarat untuk dianalisis sebagaimana Jadual penentuan saiz sampel yang telah diperkenalkan oleh Krijcie dan Morgan (1970).

1. Tahap Kematangan Emosi Pelajar Islam

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kematangan emosi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin di negeri Terengganu. Pemboleh ubah kematangan emosi mengandungi lima konstruk, iaitu ketidakstabilan emosi, kemerosotan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial, kecelaruan personaliti dan ketidakupayaan sikap berdikari. Secara keseluruhannya, tahap kematangan emosi pelajar Islam di Terengganu adalah sederhana ($M=3.09$)

Bagi menjawab kepada soalan kajian apakah tahap kematangan emosi dalam kalangan pelajar?, kajian ini telah menganalisis data dan dapatan telah dipecahkan menjadi lima bahagian mengikut konstruk di bawah pemboleh ubah kematangan emosi dan dilaporkan mengikut analisis deskriptif (rujuk Jadual 3, 4, 5, 6 dan 7).

a. Tahap Ketidakstabilan Emosi Pelajar Islam

Analisis deskriptif kajian ini telah dilakukan bagi menjawab enam soalan di bawah konstruk kestabilan emosi. Setiap soalan diwakili dengan singkatan "B1-B7" bagi memudahkan pengkaji menganalisis data yang dimasukkan dalam perisian SPSS. Dapatan menunjukkan keseluruhan item dibawah konstruk ketidakstabilan emosi berada pada tahap sederhana. Jadual 8 menunjukkan dapatan skor min dan sisihan piawai bagi konstruk ketidakstabilan emosi. Hanya dua item (B1, B4 dan B7) berada pada tahap tinggi. Manakala bagi item (B2, B3, B5 dan B6) berada pada tahap sederhana.

Jadual 3: Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Ketidakstabilan Emosi

No.	Item	Skor Min	Sp.	Interpretasi
B1	Fikiran saya sering terganggu	3.58	.916	Tinggi
B2	Saya berasa takut dengan apa yang akan berlaku	3.25	.992	Sederhana
B3	Saya seorang yang panas baran	3.15	1.16	Sederhana
B4	Saya berasa saya bersikap sangat degil	3.51	.998	Tinggi
B5	Saya berasa cemburu dengan orang lain	3.30	1.05	Sederhana
B6	Apabila saya sedang marah, saya akan bertindak ganas	3.16	1.19	Sederhana
B7	Saya meminta bantuan daripada orang lain untuk menyiapkan kerja peribadi saya	3.67	.996	Tinggi
	Jumlah Keseluruhan	3.37	.596	Tinggi

b. Tahap Kemosrotan Emosi Pelajar Islam

Kemosrotan emosi merupakan konstruk di bawah pemboleh ubah kematangan emosi yang kedua. Jadual 1.4 menunjukkan hasil skor min dan sisihan piawai daripada analisis data yang telah dilakukan dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan item (B8 B9, dan B10) berada pada tahap tinggi, manakala bagi bagi item (B11, B12, B13 dan B14) berada pada tahap sederhana.

Jadual 4: Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Kemosrotan Emosi Pelajar

No.	Item	Skor Min	Sp.	Interpretasi
B8	Saya berasa rendah diri apabila tidak berjaya mencapai matlamat yang saya inginkan	3.61	1.02	Tinggi
B9	Saya suka mengusik orang lain	3.93	.970	Tinggi
B10	Saya berasa diri saya letih dengan kehidupan seharian saya	3.81	.988	Tinggi
B11	Saya berasa bahawa saya mementingkan diri sendiri	2.96	1.15	Sederhana
B12	Saya mengalami perasaan yang tidak selesa dan terganggu	3.01	1.08	Sederhana
B13	Apabila saya tidak bersetuju dengan pendapat rakan-rakan, saya akan mula bertengkar dengan mereka	3.06	1.15	Sederhana
B14	Saya berasa saya tidak berpuas hati dengan diri saya sendiri	3.08	.998	Sederhana
	Jumlah Keseluruhan	3.27	.563	Sederhana

c. Tahap Ketidakupayaan Penyesuaian Sosial dalam Kalangan Pelajar Islam

Konstruk ketiga bagi pemboleh ubah kematangan emosi ialah ketidakupayaan penyesuaian sosial. Dapatan telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan skor min secara keseluruhan mendapati keseluruhan item bagi konstruk penyesuaian sosial berada pada tahap sederhana. Jadual 1.5 menunjukkan dapatan skor min dan sisihan piawai bagi penyesuaian emosi dalam kalangan pelajar Islam. Dapatan menunjukkan item (B16) berada pada tahap

tinggi, manakala bagi bagi item (B15, B17, B18, B19, B20 dan B21) berada pada tahap sederhana.

Jadual 5: Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Ketidakupayaan Penyesuaian Sosial dalam Kalangan Pelajar

No.	Item	Skor Min	Sp.	Interpretasi
B15	Persahabatan saya dengan kawan-kawan tegang	3.06	1.15	Sederhana
B16	Saya sering membenci orang lain	3.62	1.07	Tinggi
B17	Saya selesa memuji diri sendiri	2.88	1.11	Sederhana
B18	Saya selalu menghabiskan banyak masa untuk diri anda saya sendiri	3.22	1.13	Sederhana
B19	Saya sangat suka bersendirian	3.04	1.22	Sederhana
B20	Saya pernah berbohong kepada orang lain	3.13	1.20	Sederhana
B21	Saya curi tulang ketika belajar secara berkumpulan	2.86	1.22	Sederhana
Jumlah Keseluruhan		3.11	.556	Sederhana

d. Tahap Kecelaruhan Personaliti Pelajar Islam

Seterusnya skor min dan sisihan piawai bagi konstruk berkaitan dengan kecelaruhan personaliti telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan menunjukkan item (B24) berada pada tahap tinggi, manakala bagi bagi item (B22, B23, B25, B26, B26, B27, B28 dan B29) berada pada tahap sederhana.

Jadual 6: Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Kecelaruhan Personaliti

No.	Item	Skor Min	Sp.	Interpretasi
B22	Kadang kala saya tidak dapat bersikap tenang	3.06	1.15	Sederhana
B23	Saya berasa putus asa dengan kehidupan saya	3.19	1.08	Sederhana
B24	Saya mempunyai semangat yang lemah	3.62	1.07	Tinggi
B25	Saya tidak boleh bertolak ansur dengan pendapat orang lain	3.21	1.14	Sederhana
B26	Walaupun saya tahu tentang sesuatu perkara, namun saya berpura-pura seolah-olah saya tidak tahu	3.03	1.23	Sederhana
B27	Apabila saya melakukan kesalahan, saya akan cuba membuktikan yang saya tidak bersalah	3.03	1.15	Sederhana
B28	Saya sering mengalami sebarang jenis ketakutan	3.16	1.16	Sederhana
B29	Saya melibatkan diri secara terbuka tanpa mengambil kira nilai moral sebagai seorang Muslim	3.01	1.21	Sederhana
Jumlah Keseluruhan		3.16	.525	Sederhana

e. Tahap Tiada Keupayaan Sikap Berdikari dalam Kalangan Pelajar Islam

Tiada keupayaan sikap berdikari merupakan salah satu konstruk di bawah pemboleh ubah kematangan emosi yang terakhir. Jadual 1.7 merupakan dapatan skor min dan sisihan piawai setelah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan menunjukkan keseluruhan item (B30, B31, B32, B33, B34 dan B35) berada pada tahap sederhana.

Jadual 7: Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Tiada Keupayaan Sikap Berdikari dalam Kalangan Pelajar

No.	Item	Skor Min	Sp.	Interpretasi
B30	Kawan-kawan saya teragak-agak untuk menerima bantuan daripada saya	2.84	1.14	Sederhana
B31	Kawan-kawan tidak bersetuju dengan pandangan saya	3.27	.754	Sederhana
B32	Saya dianggap seorang yang tidak boleh berdikari	3.13	.906	Sederhana
B33	Kawan-kawan menganggap saya seorang yang tidak bertanggungjawab	3.03	1.21	Sederhana
B34	Saya rasa hal diri saya sendiri lebih penting daripada hal orang lain	2.98	1.15	Sederhana
B35	Saya tidak menunjukkan minat terhadap urusan orang lain	3.11	1.14	Sederhana
	Jumlah Keseluruhan	3.02	.496	Sederhana

2. Tahap Masalah Disiplin yang Berlaku dalam Kalangan Pelajar Islam

Terdapat 15 item di bawah pemboleh ubah masalah disiplin dan keseluruhan item telah dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan berada pada tahap sederhana ($M= 1.85$). Jadual 1.8 menunjukkan dapatan skor min dan sisihan piawai bagi pola masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan item (D5, D7, D10, D11, D13, D14 dan D15) berada pada tahap rendah, manakala bagi bagi item (D1, D2, D3, D4, D6, D8, D9 dan D12) berada pada tahap sederhana.

Jadual 8: Jadual Skor Min dan Sisihan Piawai Masalah Disiplin Pelajar

No.	Item	Skor Min	Sp.	Interpretasi
D1	Saya datang lewat ke sekolah	2.11	.975	Sederhana
D2	Saya menggunakan bahasa kesat di sekolah	2.16	.943	Sederhana
D3	Saya tidak mematuhi arahan	2.15	.822	Sederhana
D4	Saya bercakap semasa guru mengajar	2.97	1.15	Sederhana
D5	Saya merosakkan peralatan sekolah	1.57	.892	Rendah
D6	Saya kerap pergi ke tandas ketika sesi pembelajaran	2.04	.946	Sederhana
D7	Saya membuli kawan saya	1.61	.859	Rendah
D8	Saya mengabaikan kerja sekolah yang diberikan	2.57	1.04	Sederhana
D9	Saya tidak membawa buku dan peralatan belajar	2.04	.945	Sederhana
D10	Saya meninggalkan kawasan sekolah tanpa kebenaran	1.40	.786	Rendah
D11	Saya mencuri harta benda pelajar lain	1.40	.772	Rendah

D12	Saya membuang sampah merata-rata dalam kawasan sekolah	2.06	.986	Sederhana
D13	Saya bergaduh di sekolah	1.49	.800	Rendah
D14	Saya pernah terlibat dengan penyalahgunaan dadah/ inhalan/ racun	1.06	.398	Rendah
D15	Saya seorang perokok	1.22	.778	Rendah
	<u>Jumlah Keseluruhan</u>	<u>1.85</u>	<u>.425</u>	<u>Sederhana</u>

3. Mengenal pasti Perbezaan yang Signifikan dari Segi Kematangan Emosi Berdasarkan Faktor Jantina

Jadual 1.9 memaparkan nilai min bagi lelaki ($m=3.02$) dan perempuan ($m=3.20$), manakala nilai Dk (359) dan nilai signifikan yang diperoleh $0.00 (< 0.05)$. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kematangan emosi pelajar SMK di negeri Terengganu berdasarkan faktor jantina.

Jadual 9: Perbezaan Kematangan Emosi

Berdasarkan Faktor Jantina				SP	Ralat Piawai	dk	T	Sig.
Demografi	Faktor	N	Min					
Jantina	Lelaki	182	3.02	0.388	0.028	359	-4.282	3.20
	Perempuan	179						
Sig. pada aras 0.05				<u>0.402</u>	0.030		-4.281	0.000

Dapatan menunjukkan bahawa pelajar perempuan memiliki tahap kematangan emosi yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Seterusnya analisis regresi berganda langkah demi langkah (*stepwise*) yang mengenal pasti pengaruh relative lima pemboleh ubah bebas terhadap masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar dirumuskan dalam Jadual 1.10. Dapatan analisis menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas iaitu kemerosotan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial dan tidak memberi sumbangan yang signifikan ($p < 0.05$) dan pengaruh sebanyak 11.2% terhadap jumlah varian dalam masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar. Oleh itu, hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat pengaruh yang signifikan adalah ditolak.

Jadual 10: Analisis Regresi Berganda (Stepwise) bagi Pemboleh Ubah Kematangan Emosi yang Mempengaruhi Masalah Disiplin Pelajar

Peramal	B	Ralat piawai	Beta B	T	Sig.	R ²	Pengaruh (%)
Konstant	1.094	0.132		8.285	0.000		
Kemerosotan Emosi	0.224	0.041	0.279	5.495			
Konstant	1.083	0.110		6.164	0.000		
Kemerosotan Emosi	0.152	0.046	0.189	3.276	0.001		
Ketidakupayaan penyesuaian sosial	0.141	0.046	0.179	3.090	0.002		
Konstant	0.767	0.158		4.863	0.000		
Kemerosotan Emosi	0.122	0.049	0.152	2.512	0.012		
Ketidakupayaan Penyesuaian Sosial	0.117	0.047	0.148	2.485	0.013		
Tiada Keupayaan Sikap Berdikari	0.100	0.049	0.118	2.041	0.042	0.112	11.2%

Dapatan ini menunjukkan antara lima (ketidakstabilan emosi, kemerosotan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial, kecelaruan personaliti dan tiada keupayaan sikap berdikari) pemboleh ubah bebas yang diuji, hanya faktor peramal kemerosotan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial dan tidak berdikari yang memberi pengaruh sebanyak 11.2% terhadap permasalahan disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar di negeri Terengganu. Kemerosotan emosi ($\beta=0.152$ $t= 2.512$, dan $p= 0.000$), ketidakupayaan penyesuaian sosial ($\beta=0.148$ $t= 2.485$, dan $p= 0.000$) dan tidak berdikari ($\beta=0.118$ $t= 2.041$, dan $p= 0.000$), memberi pengaruh yang signifikan terhadap masalah disiplin pelajar.

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa populasi kajian ini (saiz sampel=361), hanya tiga pemboleh ubah peramal iaitu kemerosotan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial dan tidak berdikari merupakan peramal kepada kemerosotan masalah disiplin pelajar Islam. Justeru, lebih sebanyak 88.8% boleh dijelaskan dengan pemboleh-ubah lain yang tidak diambil kira dalam model kajian ini. Dapatan ini menunjukkan kemungkinan terdapat faktor-faktor lain yang memberikan kesan atau pengaruh terhadap masalah disiplin pelajar yang berlaku pada hari ini.

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini mendapati kelima-lima konstruk bagi tahap kematangan emosi dalam kalangan para pelajar Islam SMK di Terengganu adalah sederhana. Oleh sebab item-item dalam borang soal selidik bersifat negatif, justeru dapat disimpulkan bahawa tahap kematangan emosi pelajar di negeri Terengganu agak membimbangkan dan boleh dikategorikan sebagai kurang kematangan emosi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kalaiselvan dan Maheswari (2016) mendapati tahap kematangan emosi responden kajian adalah sederhana.

Manakala kajian Parua (2015), Lakshmi dan Krishnamurthy (2011) dan Mohamed Alfian dan Mohamed Sharif (2006) pula mendapati kematangan emosi pelajar adalah rendah. Begitu juga dengan kajian Bhagat, Haque, Rohayah, dan Khairi (2016) terhadap pelajar perubatan mendapati 21.9% orang pelajar mempunyai tahap kematangan emosi yang rendah. Selari dengan kajian Swamy et al. (2014) yang mendapati sebanyak 63.38% orang pelajar mempunyai tahap kematangan emosi yang rendah. Bhagat, Chang dan Chang (2016) pula menyatakan kadang-kadang emosi pelajar tidak dapat dikawal, tegang dan kurang rasional.

Kajian juga mendapati tahap masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan di negeri Terengganu berada pada tahap sederhana. Kajian Mohamad Khairi, Mohd Zailani, Alis dan Norfasihah (2017) mendapati negara kini sedang menghadapi masalah disiplin yang serius dengan penglibatan pelajar dalam masalah rempit, dadah, buli, ponteng, gengsterisme dan vandalisme. Hakikatnya, disiplin merupakan komponen yang sangat penting dalam tingkah laku seseorang individu. Bahkan tanpa disiplin, individu atau organisasi tidak dapat berfungsi dengan baik bagi mencapai sesuatu target dan matlamat.

Kepentingan disiplin ini selari dengan beberapa pandangan pengkaji terdahulu, antaranya seperti Nasrul dan Zarina (2017), Lydia, Ursulla dan Phylisters (2017), Omote, Thinguri dan Moenga (2015), Ali, Dada, Isiaka dan Salmon (2014), Ouma, Simatwa dan Serem (2013), Gitome, Katola, dan Nyabwari (2013) dan Masitsa (2008). Dalam konteks seorang pelajar, disiplin adalah lebih daripada mematuhi peraturan dan memerlukan keupayaan pelajar untuk membezakan baik dan buruk sesuatu perkara. Hal ini adalah kerana ketidakpatuhan

pelajar terhadap peraturan disiplin yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah mampu menjejaskan sekolah-sekolah bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia dengan pelbagai tingkah laku negatif, antaranya seperti mengganggu proses pembelajaran dan sebagainya.

Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang menyatakan solat pada awal waktu. Islam telah mengajar untuk menjadi lebih disiplin dengan melakukan ibadah solat. Barang siapa yang meninggalkan solat maka tiadalah agama baginya kerana solat itu merupakan tiang agama (Riwayat al-Baihaqi, 2550). Solat merupakan benteng utama daripada melakukan kemungkar. Dengan menjaga solat di awal waktu, secara tidak langsung dapat mendisiplin pelajar serta mengurangkan pelajar daripada membuat perkara yang sia-sia seperti memonteng, melepak, berbual kosong, mengumpat dan sebagainya. Dalam al-Quran juga ada menyebut berkaitan dengan solat sebanyak 123 kali berkaitan dengan solat yang menyuruh orang Islam memelihara solat serta melaksanakan solat dengan khushyuk kerana Allah (Al-Baqarah 2:238). Dengan solat juga dapat memberi kesan kepada seseorang daripada melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya sebagaimana dalam al-Quran menyebut ‘‘Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar’’ (Al-Ankabut, 45). Hal ini membuktikan betapa solat itu berperanan penting dalam mendidik seseorang individu sehingga ia mampu mengubah tingkah laku dan sikap seseorang. Amalan-amalan ini menjadi rutin kepada para pelajar sehingga membentuk tabiat yang baik dalam diri mereka.

Kajian ini juga menunjukkan terdapat pemboleh ubah pengaruh peramal masalah disiplin berdasarkan faktor kematangan emosi. Sebanyak 11.2% kematangan emosi menyumbang kepada permasalahan disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Terengganu. Pemboleh ubah kematangan emosi mempunyai lima konstruk iaitu ketidakstabilan emosi, kemerosotan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial, personaliti berbeza dan tidak berdikari.

Namun hanya tiga konstruk sahaja yang menyumbang kepada berlakunya masalah disiplin pelajar iaitu kemerosotan emosi, kecelaruan personaliti dan tiada keupayaan sikap berdikari. Walaupun, pemboleh ubah kematangan emosi menjadi penyumbang dalam peratusan yang rendah, namun dapatan ini tidak dapat dinafikan dan harus diterima dengan penambahbaikan yang sewajarnya oleh semua pihak. Hakikatnya, kematangan emosi tidak akan terjadi seiring dengan pertambahan usia seseorang individu, kerana masih ramai lagi golongan dewasa yang melakukan perbuatan yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat diperlukan.

KESIMPULAN

Kajian ini menggambarkan tahap kematangan emosi dan tahap masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar Islam. Walaupun keseluruhan hasil dapatan kajian berada pada tahap sederhana, namun secara keseluruhannya hasil kajian ini telah berjaya menjawab persoalan-persoalan kajian. Sekali gus mencapai segala objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian.

Hakikatnya, kematangan emosi dapat menjadikan seseorang individu lebih dinamik dan penggerak mental, sosial dan psikologi yang diterjemahkan melalui tingkah laku serta mempunyai hubungan yang kuat dengan minat dan perasaan. Kematangan emosi juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada penyesuaian individu yang matang

secara emosi dan menjadikan individu dapat menguruskan perasaan dengan baik dan dapat berurusan dengan orang lain secara lebih berkesan.

Oleh itu, pelajar yang mempunyai kematangan emosi yang baik dapat mengendalikan emosi dan perasaan serta berkelakuan seperti orang dewasa ketika berurusan dengan orang lain. Individu yang mempunyai kematangan emosi yang baik juga akan berupaya mengawal perasaan negatif. Justeru, memupuk kematangan emosi adalah penting sebagai langkah bagi membendung kemerosotan masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar. Pelajar yang mempunyai tahap kematangan emosi yang baik, dapat menilai secara waras dan berfikir secara positif sebelum bertindak balas terhadap sesuatu rangsangan yang diterima.

RUJUKAN

- Abdullah, A. (2010). Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial pada Dekad Pertama Abad 21 (Themes and Issues in Research on Social Problems in the First Decade of the 21st Century in Malaysia). *Akademika*, 78(1).
- Ahmad, N. L., Amidi A. & Wahid, H. A. (2018). Pengaruh Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Menengah, *Journal of Humanities, Language, Culture and Business* 2, 85-94.
- Ahmad, S. S., & Kasim, T. S. A. T. (2017). Permasalahan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Membentuk Personaliti dan Akhlak Pelajar: Satu Analisis Secara Kritis. In *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia* (Vol. 283, pp. 1-15).
- Aleena, Sunny, Julia, Neha, Drishya, dan Cylvania (2018) Aleena Maria Sunny, Julia Grace Jacob, Neha Jimmy, Drishya Theres Shaji, & Cylvania Dominic. (2018). Emotional Maturity Variation among College Students with Perceived Loneliness. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 8(5), 233- 252.
- Ali, A. A., Dada, I. T., Isiaka, G. A., & Salmon, S. A. (2014). Types, causes and management of indiscipline acts among secondary school students in shomolu local government area of Lagos state. *Journal of Studies in Social Sciences*, 8(2), 254-287.
- Aquino, K. M. C., Enriquez, Q. B., Gonzales, K. B., & Landicho, L. C. (2015). Emotional Maturity, Anxiety and Interpersonal Communication among Adolescents with Separated and Non-Separated Parents.
- Arun K. & Sunilima. (2016). Effects of gender and locality on emotional maturity. *Quest Journal: Journal of Research in Humanities and Social Science*, 4(10), 50-54.
- Babbie, E. (2013). *The Practice Of Social Research*. Kanada: Wadsworth, Cengage Learning.
- Bhagat V., Haque M., Yasrul, Rohayah & Khairi. (2016). Emotional maturity of medical students impacting their adult learning skills in a newly established public medical school at the east coast of Malaysian Peninsula. *Advances in Medical Education and Practice*, 575- 584.
- Bhagat, K. K., Chang, C. N., & Chang, C. Y. (2016). The Impact of the Flipped Classroom on Mathematics Concept Learning in High School. *Educational Technology & Society*, 19 (3), 124–132.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (4th Ed.)*. Boston, Ma. Pearson Education.

- Fathima J. & Vijayan. K. (2016). Investigation on emotional maturity and cultural intelligence among adolescence of Kerala. *Journal of Research & Method in Education (Iosr-Jrme)*, 6 (1), 36-41.
- Fraenkel, J.R & Wallen, N.E. (2009). *How to design and evaluate research in education* (7th Ed). New York. Mcgraw-Hill.
- Gall, Gall & Borg. (2005). *Applying educational research: a practical guide*, 5th Edition. Pearson.
- Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., Kenayathulla, H. B., Siraj, S., Elman, F., Ghani, M. A., & Ayub, A. (2017). Masalah Disiplin Murid Islam: Strategi dan Penyelesaian terhadap Kurikulum Pendidikan Islam (Discipline Problem of the Muslim Student: Strategies and Solution to the Islamic Education Curriculum). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(1), 91-110.
- Gitome, J. W, Katola, M. T., & Nyabwari, B. G. (2013). Correlation between students' discipline and performance in the Kenya certificate of secondary education. *International Journal of Education and Research*, 1(8), 1 – 10.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (2010). *Multivariate data analysis*. Fourth Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Ismail, A. M., & Jasmi, K. A. (2016). Akidah dan akhlak dalam pendidikan Islam. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia.
- Johns, N., P Mathew, J., & M Mathai, D. (2016). Emotional maturity and loneliness as correlates of life satisfaction among adolescents. *Ira-International Journal of Management & Social Sciences*, 3(3), 558-567.
- Kalaiselvan S., & Maheswari K. (2016). A study on emotional maturity among the post graduate students. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 21(2), 32-34.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Krishan L. (2014). Emotional maturity, self confidence and academic achievement of adolescents in relation to their gender and urban-rural background. *American International Journal of Research in Humanities, Arts and Social Sciences*. 5(2), 188193.
- Lakshmi, S. & Krishnamurthy, S (2011). A Study on the Emotional Maturity of Higher Secondary School Students. *International Journal of Current Research*, 33 (4): 183185.
- Lakshmi, S. & Krishnamurthy, S (2011). A Study on the Emotional Maturity of Higher Secondary School Students. *International Journal of Current Research*, 33 (4): 183185.
- Lydia M. M., Ursulla O., & Phylisters M. (2017). Impact of students' exposure to electronic media facilities in their homes on parental involvement in management of students' discipline in public day secondary schools in Kenya. *European Scientific Journal*, 13(31), 202-221.
- Mahmud, Z., & Amat, S. (2015). *Kemahiran kaunseling: sebagai strategi membantu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Manju J., Pooja P. & Divya. (2015). Emotional maturity and self concept among senior secondary school students. *Bhartiyam International Journal of Education & Research*, 4(3), 23-32.
- Manoharan, R., Louis J., & Christie D. I. (2007). Emotional maturity of post-graduate students in Pondicherry region. *Experiments in Education*, 35(8), 161-163.

- Manoranjana T. (2017). A contextual analysis of gender on social and emotional maturity of senior school adolescents of Bhawanipatna. *International samanm Journal of Finance & Accounting (Isifa)*, 5(1), 10-16.
- Maryati, H., Alsa, A & Rohmatun. (2007). Kaitan kematangan emosi dengan kesiapan menghadapi perkawinan pada wanita dewasa awal di Kecamatan Semarang Barat. *Jurnal Psikologiproyeksi*, 2(2), 27-35.
- Masitsa, G. (2008). Discipline and disciplinary measures in the Free State township schools: unresolved problems. *Acta Academica Journal*, 40(3), 234 - 270.
- Mohamad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Alis Puteh & Nurfasihah Roslan. (2017). Permasalahan dan cabaran guru dalam membentuk nilai pelajar di sekolah menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Special Issue*, 1-10. E-Issn: 22898042.
- Mohamed Alfian Harris & Mohamed Sharif Mustaffa. (2006). Tahap kestabilan emosi pelajar di sebuah kolej kediaman institusi pengajian tinggi awam: satu tinjauan. *National Student Development Conference (NaSPec) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Mokhtar, S., Jailani, M. K. M., Tamuri, A. H., & Ghani, K. A. (2011). Kajian persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. *Global Journal Al-Thaqafah*, 1(1), 71-78.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Zarina A Rashid. (2017). Peraturan dan undang-undang kawalan disiplin murid di Malaysia. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 1-11.
- Neuman, W.L. (2006). *Social research methods qualitative and quantitative approaches*. Toronto: Pearson
- Omote, M. J., Thinguri, R.W., & Moenga, M. E. (2015). A critical analysis of acts of student indiscipline and management strategies employed by school authorities in public high schools in Kenya. *International Journal of Education and Research*, 3(12), 1-10.
- Ouma, M. O., Simatwa, E. W., & Serem, T. D. K. (2013). Management of pupil discipline in Kenya: A case study of Kisumu Municipality. *Educational Research*, 4(5), 374-386. Available at <http://www.interestjournals.org/ER>
- Panimalar, M. R., N. Sasikumar, & M. Parimala Fathima. (2013). A study on emotional maturity and self-concept at higher secondary level. *Journal Research in Psychology and Behavioral Sciences*, 1(5), 81-83.
- Parua R. K. (2015). Emotional development of children with visual impairment studying in integrated and special schools. *International Journal of Advanced Research (IJAR)*, 3(12), 1345 – 1348.
- Prathibha, M. V. & Ashok, H. S. (2017). Emotional maturity and academic performance of adolescents. *International Journal of Current Research*, 9(03), 47785-47789.
- Robson, C. (2011). *Real World Research: A Resource for Social-Scientists and Practitioner-Researchers* (3rd Ed.). Oxford: Blackwell Publishing.
- See, Ching Mey & Ng, Kok Mun. (2010). Counseling in Malaysia: history, current status and future trends. *Journal of Counseling & Development*. 88, 18-22.
- Sharif, Z., & Mohamad Roslan, N. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(7), 115-140.

- Singh Y. & Bhargava, M. (1990). Manual for emotional maturity scale (EMS). National Psychological Corporation, Agra, India.
- Subbarayan, K., & Visvanathan, G. (2011). A study on emotional maturity of college students. *Recent Research in Science & Technology*, 3(1), 153-155.
- Sudarsan B. & Rangaiah B. (2017). Relationship between emotional maturity, self-esteem and life-satisfaction: a study on traditional dancers of odisha region. *Jurnal Cogent Psychology*, 4, 135504.
- Swamy et al. (2014). Prevalence of depressive symptoms and effectiveness of yoga on depressive symptoms among professional students of selected institutions at Mangalore, South India. *Journal of Biology, Agriculture and Healthcare*, 4(6), 1-5.
- Thawani, A. (2015). Impact of birth order on personality and emotional maturity in relation to gender. *Research Aaj Tak*, 4(1), 1-9.
- Tunggak, B., Ngadi, S., & Naim, H. A. (2015). Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/pelajar muslim bersepadu (students delinquency and proposed solutions through teen model of conduct/integrated muslim students). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7(2), 11-30.
- Umender, M. & Shweta K. (2014). Teaching Effectiveness of School Teachers In Relation To Emotional Maturity. *Global Journal of Arts Humanities and Social Sciences*, 2(3), 1-9.
- Wani M. A. & Manish A. (2015). Emotional maturity across gender and level of education. *The International Journal of Indian Psychology*, 2(2), 63-72.
- Yogesh A. J. (2013). Emotional Maturity and Adjustment in Adhd Children. *Journal Psychology & Psychotherapy*, 3(2), 1-4.
- Zakaria P., Ahmad N., & Noor A. M. (2016). Perkaitan antara hubungan kekeluargaan dan tingkah laku delikuens remaja di Kuala Terengganu. In: *International Conference on Youth (Icyouth) 2016, 15-17 Nov. 2016, Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan, and Selangor*.
- Zapata, A. (2015). The emotional stability and emotional maturity of fourth year teacher education students of The Bulacan State University. *Journal of Social Sciences & Humanities Research*, 1(2), 1-5.